

**AL-TAJDĪD AL-UŞŪLĪ.** Oleh: Ahmad bin Abdul Salam al-Raysūnī. 2014. International Institute of Islamic Thought. Halaman 851. ISBN: 978-1-56564-620-9.

*Al-Tajdīd al-Uşūlī* ialah sebuah kitab usul fiqah kontemporari yang mengemukakan ciri-ciri *tajdīd* dan pembaharuan dalam setiap perbahasan yang diketengahkan. Buku ini ditulis oleh al-Raysūnī bersama-sama 12 orang pakar usul fiqah lain dari pelbagai institusi pengajian tinggi di Maghribi.

Al-Raysūnī atau nama penuhnya Ahmad bin Abdul Salam al-Raysūnī merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang berasal dari Maghribi. Beliau dilahirkan pada tahun 1953 di Ouled Soltane iaitu sebuah perkampungan yang terletak di wilayah Larache, Maghribi. Beliau merupakan anggota pengasas dan presiden ke-2 bagi Kesatuan Ulama Muslim Antarabangsa, iaitu sebuah organisasi sarjana Islam sedunia yang diasaskan oleh Yusuf al-Qaradāwī. Beliau menjawat jawatan tersebut dari tahun 2018 hingga 2022. Al-Raysūnī merupakan salah seorang pakar fiqah dan usul fiqah dalam dunia Islam kini. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai karya yang dihasilkan oleh beliau dalam bidang syariah, fiqah, usul fiqah dan *maqāṣid al-sharī'ah*.

Anggota projek bagi pembikinan karya *al-Tajdīd al-Uşūlī* ialah Ahmad al-Raysūnī, Ahmad al-Sanūnī, Amīnah Sa'dī, al-Jaylālī al-Murīnī, al-Ḥusayn al-Ḥayyān, al-Ḥusayn Āyat Sa'īd, Ḥumayd al-Wāfī, Abdul Ḥamīd `Ashāq, Abdul Salām Balājī, al-`Arabī al-Būhālī, Muḥammad `Awwām, Muṣṭafā Ḥasanayn Abdul Hādī dan al-Nājī Lamīn. Dalam penghasilan karya ini, al-Raysūnī merupakan penyelia utama yang bertanggungjawab dalam membuat semakan, penyelarasan, pembetulan, pendahuluan serta penutup.

Antara objektif karya ini dihasilkan adalah untuk mengembalikan semula ilmu usul fiqah kepada keberkesanan dan keupayaannya yang asal iaitu usul fiqah yang mampu menjawab segala permasalahan yang timbul sama ada ia bersifat teori, praktikal, metodologi atau ideologi. Pada masa kini, masalah-masalah yang menimpa umat Islam muncul dalam pelbagai bentuk dan rupa. Keadaan ini semakin menyukarkan umat Islam apabila sebahagian daripada masalah tersebut tidak menemui jalan penyelesaian yang tuntas. Justeru, karya ini dilihat berusaha untuk menengahkan bentuk usul fiqah baru yang terhasil melalui pengubahsuaian, kritikan, penambahan serta pengurangan terhadap bentuk usul fiqah yang lama.

Selain itu, mengembalikan fungsi rujukan yang dimiliki oleh ilmu usul fiqah iaitu sebagai alat untuk mencapai kesatuan manhaj serta merapatkan jurang pemikiran yang berlaku di antara umat Islam. Kebelakangan ini, isu perbezaan pandangan seringkali dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini menyebabkan berlakunya pertelingkahan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam dari semasa ke semasa. Justeru, melalui *al-Tajdīd al-Uşūlī*, para penulis dilihat berusaha untuk menampilkan perbahasan usul fiqah yang bertumpu terhadap *maqāṣid al-sharī'ah* (tujuan pensyariaan), *qawā'id al-`ilmiyyah* (kaedah keilmuan) dan *wiḥdah al-ummah* (kesatuan umat) demi mengurangkan konflik yang berlaku dalam dunia Islam kini.

Seterusnya, membantu ulama kontemporari untuk melaksanakan ijtihad sama ada dalam pengistinbatan hukum secara khususnya atau bidang pengajian Islam secara umumnya. Dikatakan demikian kerana, karya ini menggariskan kaedah dan peraturan baru yang sistematik

yang dapat membantu ulama kontemporari dalam melaksanakan ijtihad. Usaha ijtihad seharusnya berlangsung dari semasa ke semasa kerana ia termasuk dalam tuntutan agama. Justeru, dengan melakukan pembaharuan terhadap metodologi ijtihad, ia akan terus dapat dilaksanakan dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah yang telah diubah suai tersebut.

Di samping itu, meningkatkan daya saing terhadap metodologi penyelidikan Islam dengan mengambil kira pendekatan dan medium lain yang berada di sekeliling umat Islam. Ilmu usul fiqah merupakan suatu sistem yang terkandung di dalamnya ilmu teori dan ilmu praktikal. Oleh yang demikian, bagi memastikan fungsinya terus terpenuhi, prinsip dan kaedah yang bersifat semasa perlu diambil kira dan diguna pakai dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Karya ini berbeza daripada kitab-kitab usul fiqah kontemporari yang lain. Antara keistimewaannya ialah mendatangkan prinsip-prinsip baru yang sesuai untuk digunakan dalam struktur usul fiqah. Pembaharuan tersebut merupakan hasil yang didapati melalui penelitian dan kajian para penulis yang mendalam melalui bab-bab yang diketengahkan. Pembaharuan tersebut juga merupakan perkara yang tidak pernah diketengahkan oleh ulama lain sama ada dalam ijtihad atau pendapat mereka. Namun demikian, terdapat juga beberapa perbahasan dalam karya ini yang pada asalnya telah disebutkan oleh generasi terdahulu dalam bentuk yang ringkas. Justeru, karya ini juga hadir untuk memberikan penjelasan yang mendalam dan mendasar bagi topik-topik tersebut.

Seterusnya, karya ini mengabaikan perbahasan-perbahasan yang tidak bermanfaat dan tidak memberi kesan terhadap pengajian ilmu usul fiqah. Para penulis berpendapat bahawa tindakan tersebut perlu dilakukan untuk memudahkan pemahaman penuntut ilmu usul fiqah serta mengelakkan mereka daripada kekeliruan. Malah, selain daripada mendatangkan kekeliruan, perbahasan-perbahasan yang telah diabaikan tersebut juga berpotensi untuk menghalang dan mengurangkan fungsi ilmu usul fiqah itu sendiri.

Selain itu, ia juga tidak mendatangkan perbahasan secara panjang lebar dalam topik-topik usul fiqah yang telah dimaklumi. Walaupun begitu, topik mengenai sejarah ilmu usul fiqah diletakkan dalam satu fasal yang berasingan. Hal ini kerana terdapat fakta-fakta penting yang berkaitan dengan pembaharuan usul fiqah dalam topik tersebut. Oleh yang demikian, ia memerlukan penjelasan yang tuntas dan menyeluruh. Sementelahan, para penulis memberikan perhatian kepada topik-topik utama dalam usul fiqah seperti *maṣādir al-aḥkām* (sumber-sumber hukum), *al-aḥkām al-shar`iyyah* (hukum-hukum syarak), *ṭuruq al-istinbāt* (kaedah istinbat) serta *ijtihād wa al-iftā`* (ijtihad dan fatwa).

Di samping itu, karya ini turut mendatangkan pelbagai contoh dan aplikasi bagi setiap perbahasan usul fiqah yang diketengahkan. Hal ini kerana kebanyakan karya-karya usul fiqah tidak menumpukan terhadap praktik, sebaliknya hanya memfokuskan terhadap teori. Akibatnya, penguasaan dan pemahaman mengenai sesuatu tema usul fiqah berada pada tahap yang rendah. Justeru, dengan memperbanyakkan contoh sama ada daripada *nuṣūṣ* atau realiti semasa dapat meningkatkan pemahaman seseorang.

Dalam pada itu, karya ini tidak membincangkan secara panjang lebar mengenai pendapat-pendapat yang berbeza dan bertentangan antara satu sama lain dalam masalah-masalah *uṣūliyyah*. Sebaliknya, memfokuskan sebanyak mungkin terhadap tema dan subjek utama. Ini selari dengan salah satu tujuan pembikinan karya iaitu mengetengahkan usul fiqah yang bertumpu terhadap *wiḥdah al-ummah* (kesatuan umat). Walaupun begitu, sekiranya terdapat isu yang signifikan dalam perbezaan pendapat tersebut, ia tetap dijelaskan secara ringkas sambil berpegang terhadap pendapat yang terpilih dan muktamad.

Buku *al-Tajdīd al-Uṣūlī* merangkumi lima bab iaitu pendahuluan, bab pertama, bab kedua, bab ketiga dan bab keempat. Dalam masa yang sama, setiap bab tersebut dibahagikan kepada beberapa fasal yang ditulis oleh pengarang yang berbeza. Berikut ialah tajuk bagi setiap fasal dan pengarangnya:

1. Perkembangan ilmu usul fiqah: Abdul Salām Balājī
2. Peranan ilmu usul fiqah: Muḥammad `Awwām
3. Kaedah metodologi menurut *uṣūliyyūn*: Muṣṭafā Ḥasanayn Abdul Hādī
4. *Al-Qurān al-Karīm*: al-Ḥusayn Āyat Sa`īd
5. *Al-Sunnah al-Nabawiyyah*: al-Nājī Lamīn
6. *Al-Ijmā`*: Aḥmad al-Sanūnī
7. *Al-Qiyās*: al-Ḥusayn al-Ḥayyān & Muṣṭafā Ḥasanayn Abdul Hādī
8. *Al-Maṣlahah*: Aḥmad al-Raysūnī
9. Hukum syarak dan pembahagiannya: Muḥammad `Awwām
10. Pertimbangan dan susunan di antara hukum-hukum: Muḥammad `Awwām
11. Kaedah yang mempengaruhi metodologi istinbat: Amīnah Sa`dī
12. Petunjuk-petunjuk lafaz: Amīnah Sa`dī
13. *Al-Ijtihād*: Abdul Ḥamīd `Ashāq
14. *Al-Ifṭā`*: al-`Arabī al-Būhālī

Bab pendahuluan membicarakan tiga fasal iaitu perkembangan ilmu usul fiqah, peranan ilmu usul fiqah dan kaedah metodologi menurut *uṣūliyyūn*. Sebagaimana yang diketahui, ilmu usul fiqah mempunyai sejarah yang panjang dan berperingkat. Dalam menelusuri rentetan sejarah yang panjang tersebut, fasal ini dibahagikan kepada tiga perbahasan utama iaitu pengasasan dan pembukuan, aliran *kalāmiyyah* dan *mazhabiyah* dalam usul fiqah serta usaha pembaharuan yang dibawa terhadap ilmu usul fiqah. Melalui perbahasan-perbahasan yang diketengahkan, dapat dilihat bahawa ilmu usul fiqah telah mengalami perkembangan yang signifikan sejak ia diasaskan sehingga sekarang sama ada dari segi kandungan, struktur dan kaedah penyampaian.

Fasal kedua pula membahaskan peranan ilmu usul fiqah. Ia diketengahkan untuk memastikan kepentingan yang dimiliki oleh usul fiqah dapat dihargai dan difahami oleh umat Islam. Selain itu, melalui fungsi-fungsi ini juga, para penuntut ilmu usul fiqah dapat melihat gambaran awal (*taṣawwur*) mengenai masalah dan perbahasan yang terkandung di dalamnya. Oleh yang demikian, dikemukakan empat fungsi bagi ilmu usul fiqah. Pertama, alat untuk menafsirkan nas-nas syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, alat untuk mencapai kesimpulan hukum yang bersifat amali. Ketiga, sistem dan metodologi yang meliputi pengajian dan pemikiran Islam. Keempat, alat untuk mencapai kesatuan umat Islam.

Seterusnya, fasal terakhir dalam bab pendahuluan iaitu kaedah metodologi menurut *uṣūliyyūn*. Kaedah metodologi ialah peraturan bersifat umum yang ditetapkan oleh *uṣūliyyūn* untuk mengeluarkan hukum daripada dalil-dalil syarak yang *tafsīlī*. Perbincangan mengenai kaedah-kaedah ini dibahagikan kepada dua komponen iaitu kaedah-kaedah berkenaan konsep serta kaedah-kaedah berkenaan hasil dan hukum.

Seterusnya, bab pertama buku ini pula menjelaskan tentang sumber sesuatu hukum syarak tersebut diperolehi. Sumber-sumber hukum juga mempunyai pelbagai istilah lain seperti dalil-dalil hukum, asas-asas hukum, punca-punca hukum, asas-asas syariah, asas pensyariatan, sumber syarak dan sumber pensyariatan.

Seperti yang diketahui, para ulama telah membahagikan sumber-sumber hukum kepada dua bahagian iaitu sumber-sumber yang disepakati dan sumber-sumber yang diperselisihkan. Sumber yang disepakati merangkumi al-Quran, *al-Sunnah*, *al-Ijmā`* serta *al-Qiyās*. Manakala sumber yang diperselisihkan ialah *al-Istiḥṣān*, *al-Maṣlahah*, *Sadd al-Zarī`ah*, *al-`Urf*, *Qaul al-Sahābī*, *Shar`u Man Qablanā* dan *al-Istiṣhāb*.

Namun demikian, perbincangan mengenai sumber-sumber hukum yang diketengahkan dalam buku ini hanya menumpukan terhadap sumber-sumber yang terkenal dan digunakan secara meluas iaitu al-Quran, *al-Sunnah*, *al-Ijmā`*, *al-Qiyās* dan *al-Maṣlahah*. Kelima-lima sumber ini (para penulis mengistilahkan sebagai *uṣūl al-khamsah*) dapat dibahagikan kepada dua tahap iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Sumber primer ialah sumber yang berdiri dengan sendiri tanpa perlu bergantung kepada keberadaan sumber-sumber hukum yang lain. Hal ini kerana ketetapan hukum syarak yang dibawanya telah sabit dan jelas. Contoh bagi sumber primer ialah al-Quran dan *al-Sunnah*. Sumber sekunder pula ialah sumber yang terbina daripada sumber primer dan bergantung kepada petunjuk yang dibawanya. Hal ini kerana kesimpulan hukum syarak yang dikeluarkan daripada sumber ini hendaklah disandarkan kepada al-Quran dan hadis. Contoh bagi sumber sekunder *al-Ijmā`*, *al-Qiyās* dan *al-Maṣlahah*.

Bab kedua pula adalah berkaitan hukum-hukum syarak. Telah diketahui bahawa *al-aḥkām al-shar`iyyah* merupakan dapatan akhir bagi ilmu usul fiqah dan merupakan subjek utama dalam ilmu fiqah. Ia adalah sesuatu yang terhasil melalui ijtihad yang berpandukan kepada kaedah-kaedah yang telah ditetapkan.

Dalam perbincangan mengenai *al-aḥkām al-shar`iyyah*, terdapat *uṣūliyyūn* yang memulakan perbincangan ini dalam kitab usul fiqah mereka. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa topik ini ialah objektif utama yang perlu dicapai. Justeru, perbincangan-perbincangan lain berperanan sebagai wasilah dan jalan untuk memperoleh *al-aḥkām al-shar`iyyah*. Sebagai contoh, kitab *al-Mustasfā* yang dikarang oleh Imam al-Ghazālī.

Selari dengan metodologi dan keistimewaan karya yang telah dijelaskan, para penulis tidak memasukkan isu-isu yang tidak berkaitan dengan pensabitan hukum-hukum syarak dan hanya membincangkan mengenai perkara yang bersangkutan dengan perbuatan mukalaf. Sebagai contoh, tidak membahaskan perselisihan yang berlaku di antara *ashā`irah* dan *mu`tazilah*

mengenai konsep *al-wājib* seperti kewajiban bertaubat kepada Allah SWT, kewajiban memenuhi janji dan kewajiban memaafkan orang lain.

Bab kedua terbahagi kepada dua fasal iaitu hukum-hukum syarak dan pembahagiannya serta pertimbangan dan susunan di antara hukum-hukum syarak. Dalam fasal yang pertama, diketengahkan perbahasan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak dari segi pentakrifan, pembahagian dan penjelasan (*ta'wīl*). Fasal kedua pula menampilkan sisi-sisi pembaharuan dalam bab *al-ahkām al-shar'īyyah* iaitu pertimbangan di antara dua hukum yang bercanggah. Sebagai contoh, pertimbangan di antara *al-wājibāt*, pertimbangan di antara *al-wājib* dan *al-mandūb* dan pertimbangan di antara *wājib 'ainī* dan *wājib kifa'ī*.

Bab ketiga pula membicarakan metodologi istinbat. Secara etimologi, istinbat bermaksud mengeluarkan atau menjelaskan sesuatu yang masih belum jelas. Manakala secara terminologi, ia bermaksud usaha untuk mengeluarkan makna daripada *nuṣūṣ* iaitu al-Quran dan *al-Sunnah* dengan jalan ijtihad. Dapat difahami bahawa 'istinbat' adalah suatu usaha untuk mencari kesimpulan hukum syarak dengan cara mencurahkan kemampuan akal dan fikiran. Oleh yang demikian, istinbat yang dilaksanakan hendaklah berpandukan kepada kaedah dan metodologi tertentu.

Secara sepintas lalu, terlihat bahawa wujud persamaan di antara makna yang dimiliki oleh istinbat dan ijtihad. Walau bagaimanapun, keduanya mempunyai makna yang berbeza iaitu istinbat lebih khusus daripada ijtihad. Istinbat merupakan alat kepada ijtihad yang memfokuskan terhadap al-Quran dan *al-Sunnah*. Justeru, penggalian dan perumusan hukum bagi sumber primer tersebut dinamakan sebagai istinbat. Manakala ijtihad ialah usaha untuk mencari kesimpulan hukum melalui kesemua dalil-dalil syarak.

Selari dengan idea pembaharuan yang ingin diketengahkan, bab ini dibahagikan kepada dua fasal iaitu kaedah-kaedah yang mempengaruhi metodologi istinbat dan petunjuk-petunjuk lafaz. Fasal pertama menjelaskan tentang struktur-struktur umum bagi metodologi dan kaedah pendalilan yang digunakan oleh *uṣūliyyūn*. Dengan kata lain, ia menjelaskan tentang cara-cara yang dilaksanakan oleh *uṣūliyyūn* untuk memahami *khiṭāb al-shar'ī*. Manakala fasal kedua pula membahaskan mengenai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan berlakunya kesalahan dalam memahami *nuṣūṣ*.

Bab *al-ijtihād* dan *al-iftā'* merupakan bab terakhir dalam kitab *al-Tajdīd al-Uṣūlī*. Bab ini diletakkan pada bahagian yang paling hujung kerana ia dianggap sebagai perbahasan yang paling penting dalam ilmu usul fiqah. Hal ini dikatakan demikian kerana, tiada yang lebih utama daripada mencapai nalar dan kemampuan untuk berijtihad. Dalam bab ini juga, diketengahkan idea-idea pembaharuan terhadap metodologi ijtihad iaitu melonggarkan tugas ijtihad, menerapkan *maqāsid*, *fiqah al-wāqī'* dan menghidupkan *ijtihād al-jamā'ī*.

Dikatakan bahawa ijtihad dan fatwa mempunyai persamaan dalam beberapa aspek. Namun demikian, keduanya juga mempunyai perbezaan yang ketara. Perbezaan-perbezaan tersebut dapat dilihat dalam empat aspek berikut:

- i. Tema – Subjek bagi *al-iftā`* adalah luas. Ia merangkumi akidah, ibadat, muamalat, politik, ekonomi dan akhlak. Manakala subjek bagi *al-ijtihād* ialah pengerahan segala usaha dan tenaga untuk mengeluarkan hukum bagi sesuatu isu.
- ii. Faktor pendorong – Fatwa terjadi apabila wujud persoalan daripada *al-mustaftī* dan ia dipengaruhi oleh waktu, tempat, peristiwa dan individu. Sedangkan ijtihad berlaku apabila timbul isu baharu yang memerlukan kajian terhadap *al-adillah*.
- iii. Skop – Fatwa ialah pemberian jawapan yang sesuai dengan keadaan *al-mustaftī*. Manakala ijtihad ialah aktiviti pengeluaran hukum syarak daripada dalil dan kaedahnya yang umum.
- iv. Penetapan syarat – Syarat yang ditetapkan untuk menjadi seorang mufti adalah lebih longgar berbanding syarat yang ditetapkan untuk menjadi seorang mujtahid.

Kesimpulannya, fikrah yang diperlihatkan melalui karya ini adalah tajdid secara amnya dan ilmu usul fiqah secara khususnya. Sebagai alat yang berperanan untuk menentukan hukum, ilmu usul fiqah perlu bergerak seiring dengan perubahan zaman. Ini untuk memastikan bahawa hukum yang terhasil selari dengan keperluan manusia di samping meraikan tujuan pensyariaan itu sendiri. Justeru, idea-idea yang diketengahkan oleh para penulis dalam *al-Tajdīd al-Uṣūlī* bertujuan untuk menampilkan usul fiqah yang bertepatan dengan konteks semasa.

**Afifhadi Marjohan**  
**Muhammad Safwan Harun**  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya.